

Mahathir: Rusuhan jika ikut sentimen

MM 27 NOV 1988

PULAU PINANG 26 Nov. — Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran bahawa lambat laun rusuhan kaum akan berlaku jika semua pemimpin mengikut sentimen rakyat yang berlainan kaum yang terdapat di negara ini.

Beliau menegur sege-
lintir ahli - ahli dalam
parti komponen yang ti-

dad mengamalkan sema-
ngat Barisan Nasional
dengan melatah dan ter-
ikut - ikut gelagat parti -
parti pembangkang.

Katanya: "Kalau kita
terikut - ikut dalam sen-
timen yang dibakar di
kalangan rakyat dan kita
menjadikan sentimen itu
untuk mendapat sokong-
an, maka kita sebenar-
nya bukan pemimpin te-
tapi pengikut."

Berucap merasmikan
persidangan perwakilan
tahunan ke-17 Parti
Gerakan di KOMTAR
di sini, Datuk Sri Dr.
Mahathir menegaskan
bahawa sebenarnya parti
- parti yang mewakili
kaum - kaum di negara
ini telah berjaya menda-
pat kebanyakkan daripada

apa yang dituntut oleh
mereka.

Antara menteri - men-
teri kabinet dan Timbal-
an Menteri yang mewa-
kili parti masing - masing
turut hadir di majlis itu
termasuk Menteri Pen-
didikan, Haji Anwar
Ibrahim, Menteri Kerja
Raya Datuk S. Samy
Vellu, Menteri Sains dan
Alam Sekitar Datuk
Amar Stephen Yong,
Menteri Perusahaan Uta-
ma, Datuk Dr. Lim
Keng Yaik (Presiden
Gerakan), Ketua Mente-
ri Dr. Lim Chong Eu,
Ketua Menteri Sabah
Datuk Joseph Pairin Ki-
tingan, Timbalan Mente-
ri Pertahanan Datuk
Abang Abu Bakar Mus-
taffa dan Timbalan Men-
teri Kewangan, Senator
Farid Ariffin.

Datuk Sri Dr. Mahat-
hir selaku Pengerusi Ba-
risan Nasional juga
mengingatkan para pe-
mimpin parti - parti
komponen supaya ja-
ngan hanya menunjuk
kepada kegagalan kaum
masing - masing menda-
patkan sesuatu tanpa
mengakui dan menunjuk
kepada kejayaan yang
telah dicapai bagi kepen-
tingan kaum kita.

"Oleh kerana mereka
tidak menunjukkan ke-
jayaan itu, mereka bu-
kan sahaja menyebabkan
kaum yang mereka waki-
li tidak puas hati dengan
kerajaan, tetapi juga
kaum mereka tidak puas

Mahathir: Rusuhan jika ikut sentimen

hati dengan peranan yang dimainkan oleh parti mereka yang menyebabkan sokongan kepada parti mereka merosot.

"Ini adalah tidak sihat bagi Barisan Nasional dan juga bagi negara," ujar Perdana Menteri.

Dalam hubungan ini, Datuk Sri Dr. Mahathir mahu parti-parti komponen perlu menyampaikan penerangan kepada ahli-ahli parti tentang semangat Barisan Nasional sendiri dan usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk memastikan kesejahteraan rakyat dan negara sentiasa terjamin.

Katanya: "Para pemimpin parti mesti berani memberi penerangan-penerangan yang tepat untuk mengelakkan sebarang salah faham sesama kita."

Perdana Menteri berkata para pemimpin Barisan Nasional harus dapat mengimbangkan apakah kepentingan yang patut diambil berat dan apakah kepentingan

yang harus diimbangkan dengan kepentingan negara dan rakyat keseluruhannya.

"Para pemimpin juga harus memikirkan saluran-saluran yang lebih baik dan wajar untuk membangkitkan apa-apa kemusykilan," tegasnya.

Sejarah

Bagaimanapun, beliau menyebut mungkin sege-lintir pemimpin Barisan Nasional memikirkan mereka hendaklah juga sekali-sekala bertindak seperti pemimpin-pemimpin parti pembangkang untuk mendapat sokongan daripada kaum yang mereka wakili.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, sejarah politik negara telah membuktikan bahawa bila dua-tiga buah parti pembangkang diberi tanggungjawab memerintah di peringkat negeri, parti-parti itu gagal mengatasi isu-isu yang

diperjuangkan oleh mereka.

Mengenai Barisan Nasional, beliau berpendapat pada keseluruhannya parti-parti komponen Barisan Nasional telah dapat mengukuhkan lagi kedudukan masing-masing tahun ini jika dibandingkan dengan tahun-tahun yang lalu.

"Ini termasuk UMNO dan MCA yang telah mengalami dugaan daripada segi perpaduan parti," tambahnya.

Katanya: "Kita harus berbangga yang perpaduan parti-parti komponen dapat kita tingkatkan dewasa ini. Kekuatan setiap parti komponen sudah tentu akan dapat meningkatkan lagi kekuatan Barisan Nasional sendiri.

"Barisan Nasional berjaya mengurangkan pergeseran dan pergeseran sesama kita yang terdiri daripada berbagai kaum dan sebaliknya dapat meningkatkan perhatian kepada usaha-usaha untuk kesejahteraan rakyat dan negara."